



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***WACANA MUAMALAT DALAM KERANGKA SISTEM EKONOMI
KONVENTIONAL***

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF

FBMK 2015 96



**WACANA MUAMALAT DALAM KERANGKA SISTEM EKONOMI
KONVENTIONAL**

Oleh
MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan kepada semua pihak yang banyak membantu khususnya mahaguru-mahaguru yang tidak jemu-jemu mencerahkan ilmu, ibunda dan keluarga yang sentiasa mendoakan dan sahabat handai yang memberi dorongan.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

WACANA MUAMALAT DALAM KERANGKA SISTEM EKONOMI KONVENTSIONAL

Oleh:

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF

Januari 2015

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional telah membawa praktis sosial tersendiri memandangkan muamalat merupakan risalah Allah yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Perbahasan terhadap keperluan umat Islam kembali kepada sistem muamalat amat rancak dilakukan, namun penelitian terhadap wacana muamalat masih belum dilakukan secara kritis bagi mengenal pasti praktis sosial muamalat dan cara wacana muamalat memperteguh praktis sosial tersebut.

Justeru kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional, serta melihat pengaruh praktis sosial tersebut terhadap ciri textual dan praktis wacana muamalat. Kajian ini juga bertujuan merumus pertalian dialektikal antara praktis sosial dengan ciri textual dan praktis wacana muamalat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) Fairclough. Sebanyak 3 buah Teks Penyataan Pengerusi dan 4 buah Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dikumpul dari tahun 2009 hingga tahun 2012 dijadikan sebagai bahan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah Ihsan. Praktis sosial ini mempengaruhi ciri leksikal

yang menyaksikan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, kata/istilah gabungan Melayu-Arab, kata/istilah Inggeris dan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris digunakan dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu. Praktis sosial tersebut juga mempengaruhi praktis wacana muamalat khususnya dari aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti. Hal ini terbukti apabila penyisipan unsur metawacana secara eksplisit lebih ketara berbanding elemen intertekstualiti yang lain. Sementara elemen interdiskursiviti menunjukkan wacana diskripsi lebih kerap digunakan berbanding jenis wacana yang lain. Kajian ini juga mendapatkan bahawa AWK berjaya membongkar pertalian dialektikal antara praktis sosial muamalat (Ihsan) dengan ciri tekstual (leksikal) dan praktis wacana (intertekstualiti dan interdiskursiviti).



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

MUAMALAT DISCOURSE WITHIN THE FRAMEWORK OF CONVENTIONAL ECONOMIC SYSTEM

By

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF

January 2015

Chair : Assoc. Prof. Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The development of muamalat within the framework of conventional economic system has resulted in a particular social practice as muamalat is seen as Allah's *risalah* (words) that must be obeyed by every Muslim. Recently, the issue of the need for Muslims to shift back to muamalat has frequently been debated, however the study on muamalat discourse to identify muamalat social practice and the way muamalat discourse strengthens this social practice has yet to be critically conducted.

Therefor this study aims to explain the social practice of muamalat discourse within the framework of conventional economic system as well as examines the influence of this social practice towards textual features and the practice of muamalat discourse. This study also summarizes the dialectical relationship between textual features, the practice of muamalat discourse and social practice. This is a qualitative study using Fairclough Critical Discourse Analysis (CDA) approach. Three texts from Chairman's Statements and four Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Managing Director's Operational Review Texts collected from 2009 until 2012 are used in this study.

The results of this study show that the social practice which benefits from muamalat discourse is *Ihsan* (courtesy). This social practice influences lexical features, such as the use of uncommon Malay word/term, Arabic origin word/term, Malay-Arabic word/term, English origin word/term and Malay-English

in Malay muamalat discourse texts. This social practice also influences muamalat discourse practice particularly in the aspects of intertextuality and interdiscursivity. This is proven with the infusion of metadiscourse elements explicitly which is more apparent than other intertextuality elements. Meanwhile, interdiscursivity elements show that description discourse is used more frequently than other discourses. This study has succeeded in exposing the dialectical relationship between muamalat social practice (Ihsan) with textual features (lexical) and discourse practices (intertextuality and interdiscursivity).



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, selawat dan salam buat junjungan Mumammad S.A.W dan para sahabat. Penyelidik mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah atas dedikasi tinggi yang diberikan sepanjang menyelia penyelidikan ini. Nasihat, teguran serta bimbingan yang diberikan amat tinggi nilainya. Penyelidik juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan; Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Dr. Hjh. Nor Azuwan Yaakob atas nasihat, teguran, bimbingan dan kata-kata semangat yang diberikan. Halalkanlah ilmu yang telah dicurahkan.

Penyelidik juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Institut Profesional Baitulmal (IPB) khususnya kepada bekas Pengarah Akademik Allyarham Dr. Hj. Adanan Mat Junoh atas galakkan dan dorongan yang diberikan. Mudah-mudahan rohnya ditempatkan dalam kalangan orang-orang soleh. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan sekerja di Pusat Pembangunan Ummah Kontemporari (PUPUK) IPB yang banyak menghulurkan bantuan sama ada secara langsung maupun tidak langsung sepanjang usaha penyelidik menyempurnakan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan juga kepada ibunda yang sentiasa mengiringi usaha penyelidik dengan doa yang tidak pernah putus, isteri dan anak-anak yang sentiasa memahami usaha menyempurnakan penyelidikan ini. Tiada ungkapan yang dapat menggambarkan penghargaan kepada semua pihak yang banyak membantu.

*Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi baik rasa nak junjung.*

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamad Fitri Mohamad Yusoff bagi menilai tesis beliau yang bertajuk Wacana Muamalat dalam Kerangka Sistem Ekonomi Konvensional mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah **Doktor Falsafah**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim b. Salleh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hashim b. Hj. Musa, PhD

Profesor Emeritus

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood b. Musanif, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Idris b. Aman, PhD

Profesor

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan,

Sekolah Pengajian Siswazah,

Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: 19 Mac 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

Hjh. Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan,
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia,

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: 10 Februari 2015

Nama dan No. Matrik: Mohamad Fitri Mohamad Yusoff (GS32458)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Hjh. Nor Azuwan Yaakob, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI TRANSILITERASI	xvi
 BAB	
 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	13
1.9 Kesimpulan	15
 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 AWK dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	16
2.3 AWK dan Komunikasi Perniagaan Rentas Budaya	17
2.4 AWK dan Dialog antara Agama Islam-Kristian	19
2.5 AWK dan Wacana Kepimpinan Melayu	21
2.6 AWK Ubahsuaian dan Wacana Khutbah	25
2.7 Kesimpulan	28
 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	30
3.2 AWK Fairclough	30
3.2.1 Dimensi Analisis Teks	32
3.2.2 Dimensi Analisis Praktis Wacana	33
3.2.3 Dimensi Analisis Praktis Sosial	34
3.2.4 Pendekatan AWK Fairclough	35
3.3 Reka Bentuk Kajian	36
3.4 Kerangka Teori	37

3.5	Kerangka Konsepsi	39
3.6	Kaedah Kajian	40
3.7	Pendekatan Kajian	40
3.8	Alat Kajian	40
3.9	Tatacara Kajian	40
3.10	Penganalisisan Data	41
3.11	Pertimbangan Etika	42
3.12	Kesimpulan	42
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Praktis Sosial Wacana Muamalat	43
4.3	Ciri-ciri Tekstual Wacana Muamalat: Leksikal	48
4.3.1	Kata/istilah Melayu	49
4.3.2	Kata/istilah Arab	57
4.3.3	Kata/istilah Gabungan Melayu-Arab	62
4.3.4	Kata/istilah Inggeris	65
4.3.5	Kata/istilah Gabungan Melayu-Inggeris	68
4.3.6	Rumusan Ciri-ciri Leksikal	70
4.4	Praktis Wacana Muamalat	73
4.4.1	Intertekstualiti	73
4.4.1.1	Metawacana	76
4.4.1.2	Representasi wacana	80
4.4.1.3	Praandaian	82
4.4.1.4	Penafian	83
4.4.2	Rumusan Intertekstualiti	85
4.4.3	Interdiskursiviti	86
4.4.3.1	Diskripsi	91
4.4.3.2	Eksplanatori	97
4.4.3.3	Argumentasi	99
4.4.4	Rumusan Interdiskursiviti	102
4.5	Pertalian Dialektikal	103
4.5.1	Pertalian Dialektikal Praktis Sosial Muamalat dengan Ciri Leksikal	103
4.5.2	Pertalian Dialektikal Praktis Sosial Muamalat dengan Praktis Wacana	111
4.6	Rumusan Pertalian Dialektikal	116
4.7	Rasional Teori dan Implikasi Dapatan Kajian	117
4.8	Kesimpulan	118
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	120
5.2	Rumusan	120
5.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	124
5.4	Kesimpulan	125

BIBLIOGRAFI	126
LAMPIRAN	131
BIODATA PELAJAR	142
SENARAI PENERBITAN	143



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1:	Penerapan kerangka tiga dimensi AWK dalam kajian	38
2:	Panduan Penomboran Data	41
3:	Kata/istilah Melayu yang mengalami proses inovasi	49
4:	Kata/istilah Arab	57
5:	Kata/istilah gabungan Melayu-Arab	62
6:	Kata/istilah Inggeris	65
7:	Kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris	68
8:	Perubahan bentuk kata/istilah Melayu	71
9:	Unsur Intertekstualiti Dalam Wacana Muamalat	75
10:	Unsur Interdiskursiviti Dalam Wacana Muamalat	87

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1: Pendekatan analisis wacana tiga dimensi oleh Fairclough (1989; 1992; 1995)	31
2: Kerangka Konsepsi Penyelidikan	39



SENARAI SINGKATAN

A.S	<i>Alaihi Salam</i>
AWK	Analisis Wacana Kritis
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
ELS	<i>English as a Second Language</i>
S.A.W	<i>Salallah Alaihi Wassalam</i>
TH	Lembaga Urusan Tabung Haji
USD	<i>United State Dollar</i>

SENARAI TRANSLITERASI

<i>Al Awfar</i>	Pelaburan mewah
<i>Al-Fakhim</i>	Dana untuk tujuan pembiayaan atau pinjaman yang disediakan oleh BIMB secara patuh Syariah bagi memenuhi permintaan pengguna yang semakin bertambah atau berkembang.
<i>An Najah-NID-i</i>	Instrumen deposit boleh niaga Islam
<i>Gharar</i>	Ketidakpastian
<i>Innah</i>	Kemudahan pembiayaan yang melibatkan dua kontrak jual beli yang berasingan dengan menggunakan asset yang sama
<i>Istisnā'</i>	Pembelian berdasarkan pesanan (tempahan) yang membolehkan pembeli mengarahkan penjual membina asset mengikut spesifikasi yang terdapat dalam kontrak pembelian untuk diserahkan pada satu tarikh tertentu.
<i>Maisir</i>	Perjudian
<i>Mudhārabah</i>	Kontrak antara pemodal yang memberi 100% modal untuk perniagaan dengan usahawan yang menguruskan perniagaan berdasarkan kepakarannya.
<i>Mudhārib</i>	Usahawan
<i>Murabahah</i>	Kaedah jual beli yang membolehkan penjual menjual sesuatu produk pada harga modal serta tambahan sejumlah keuntungan yang dipersetujui bersama antara penjual dan pembeli
<i>Rriba</i>	Kadar faedah
<i>Rabbul māl</i>	Pemodal/pemilik harta

<i>Sukuk</i>	Surat jaminan kerajaan patuh Syariah
<i>Tahawwut</i>	Perlindungan nilai asset dan nilai Syariah dalam urus niaga
<i>Tawarruq</i>	Pembelian komoditi secara tangguh (ansuran) daripada satu pihak dan kemudian menjual semula komoditi tersebut kepada pihak kedua untuk mendapatkan wang tunai
<i>Waheed-i</i>	Produk deposit jangka tetap dalam Ringgit Malaysia patuh Syariah
<i>Wakalah</i>	Perlantikan ejen yang melibatkan seseorang melantik orang lain untuk bertindak bagi pihaknya.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Wacana dikenali sebagai *discourse* (Inggeris), *discours* (Prancis), *al-makalah* (Arab), dan *tamhwa* (Korea) merujuk kepada satuan bahasa yang lengkap yang benar-benar digunakan untuk berkomunikasi serta mengandungi maksud yang lengkap (Idris Aman, 2010). Memandangkan wacana tidak dapat lari daripada unsur sistem bahasa, unsur di luar sistem bahasa dan makna atau maksud yang lengkap, maka wacana ditafsir sebagai pandangan khusus tentang penggunaan bahasa sebagai unsur kehidupan sosial yang berkait rapat dengan unsur lain (Fairclough, 2003). Walaupun ahli-ahli bahasa mengemukakan pelbagai pandangan terhadap wacana, dan pandangan tersebut memperlihatkan wujudnya persamaan dan perbezaan, namun mereka bersetuju bahawa wacana memiliki ciri tertentu. Antaranya wacana memiliki kesinambungan, memiliki perpautan, mengandungi maklumat, mempunyai tujuan, dan mempunyai konteks.

Dalam hubungan itu, ciri memiliki kesinambungan merujuk kepada wujudnya pertalian antara satu ayat, perenggan dan isi, dengan satu ayat, perenggan dan isi yang lain dalam sesebuah wacana untuk mengungkapkan idea teras. Olahan idea teras dalam ayat, perenggan atau isi secara sistematik, lancar, dan logik memperlihatkan pertalian. Pertalian ini dapat mewujudkan kesinambungan antara bahagian tertentu teks dengan teks yang lain sehingga membentuk satu kesatuan. Sementara berpautan berkisar pada aspek formal bahasa dalam wacana yang berhubungan dengan organisasi sintaktik wacana. Organisasi sintaktik ialah wadah ayat-ayat yang digembung secara sepadu dalam usaha memanfaatkan unsur kebahasaan untuk menghasilkan wacana tulisan ataupun lisan (Idris Aman, 2010). Ringkasnya, berpautan bermaksud keserasian atau kesepaduan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam menghasilkan wacana yang lengkap. Keserasian atau kesepaduan dilihat menerusi kaitan antara satu perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan, frasa atau ayat lain dalam sesebuah wacana.

Ciri bermaklumat pula terarah kepada status maklumat yang terkandung dalam sesebuah wacana. Wacana yang mengandungi maklumat baru dianggap sebagai wacana yang baik berbanding wacana yang sekadar mengulang-ulang maklumat lama yang telah sedia diketahui oleh pendengar atau pembaca. Walau bagaimanapun jika maklumat baru yang diketengahkan dalam sesebuah wacana tidak difahami oleh pendengar atau pembaca, maka wacana tersebut masih dianggap tidak memenuhi ciri bermaklumat.

Selain mengandungi maklumat, ciri seterusnya ialah sesebuah wacana juga harus mempunyai tujuan. Tujuan sesebuah wacana merupakan terjemahan daripada hasrat pewacana. Misalnya sesebuah wacana dibangunkan oleh pewacananya untuk mendedahkan maklumat, menyampaikan berita,

menghujahkan pandangan, memujuk dan merayu, mengubah persepsi, menyatakan rasa simpati, menzahirkan rasa marah dan sebagainya. Tujuan ini boleh dinyatakan sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dengan syarat tujuan tersebut sampai kepada sasaran wacana melalui pengembelengan unsur linguistik dan unsur bukan linguistik seperti konteks/situasi.

Di samping itu, penghasilan sesebuah wacana turut mengambil kira ciri konteks atau situasinya. Gambaran konteks/situasi dalam wacana, membantu penerima wacana menanggapi maksud wacana dengan lebih berkesan. Tanpa konteks/situasi, penerima mungkin akan tercari-cari atau tertanya-tanya maksud wacana yang didengar/dibaca. Selain itu, konteks/situasi merupakan latar bagi pembentukan sesebuah wacana. Antara konteks/situasi yang utama yang menjadi latar kepada pembinaan wacana sama ada wacana lisan mahupun wacana tulisan ialah konteks/situasi politik, konteks/situasi ekonomi, dan konteks/situasi sosial. Konteks/situasi utama ini pula boleh diperincikan kepada skop yang lebih kecil seperti konteks/situasi kepimpinan, konteks/situasi jual beli, konteks/situasi riadah, konteks/situasi ibadat dan sebagainya. Kepelbagaiannya konteks/situasi atau latar ini akhirnya menghasilkan kepelbagaiannya wacana mengikut konteks/situasi masing-masing.

Jelasnya ciri wacana seperti yang telah disentuh di atas memainkan peranannya yang tersendiri dalam pembentukan dan penghasilan sesebuah wacana. Walau bagaimanapun ciri paling asas bagi sesebuah wacana ialah kesinambungan dan perpautan. Maka tidak hairanlah ciri asas ini telah mendapat perhatian meluas ahli-ahli bahasa yang berkecimpung dalam bidang analisis wacana. Namun selaras dengan perkembangan bidang pengajian wacana, arah aliran analisis wacana telah berkembang dari analisis bersifat tekstual semata-mata kepada analisis yang menghubungkan teks dengan elemen di luar teks seperti konteks/situasi dan seterusnya praktis sosiobudaya. Perkembangan ini diperkuatkan lagi dengan penemuan teori baru yang berupaya menghurai hubungan antara teks dengan praktis sosiobudaya. Perbincangan lanjut berhubung analisis wacana yang menghubungkan teks dengan konteks/situasi dan praktis sosiobudaya dimuatkan dalam Bab II.

Ekoran penemuan dan perkembangan teori yang berupaya menghurai dan menjelaskan hubungan antara teks dengan praktis sosiobudaya, banyak kajian telah dilakukan ke atas wacana daripada latar konteks/situasi yang berbeza. Antaranya kajian yang dilakukan ke atas wacana kepimpinan, wacana khutbah, wacana pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, wacana akademik komunikasi perniagaan rentas budaya, dan wacana dialog antara agama Islam-Kristian. Kesemua contoh analisis wacana yang dinyatakan di atas dimuatkan dalam Bab II.

Satu perkembangan yang juga menarik untuk diperhatikan ialah pengkelasan sesebuah wacana itu dibuat berdasarkan konteks/situasi khusus yang

melatarinya. Untuk itu para pengkaji wacana telah menggunakan pelbagai istilah seperti jenis wacana, genre, gaya, jenis aktiviti atau pengkelasan berdasarkan ragam retorik seperti pemerian, penghujahan, pembujukan, penceritaan dan sebagainya (Fairclough, 2003; Idris Aman, 2006). Istilah-istilah tersebut digunakan untuk memudahkan pengkelasan antara satu wacana dengan satu wacana yang lain.

Para pengkaji wacana juga percaya bahawa sesuatu teks wacana lazimnya terbina hasil gabungan daripada beberapa jenis wacana. Kajian terhadap unsur interdiskursiviti dilakukan untuk merungkai kepelbagaian wacana yang tersirat dalam sesebuah teks wacana yang baru. Interdiskursiviti tertumpu kepada penghasilan teks untuk mengenal pasti kepelbagaian jenis wacana, genre, gaya atau ragam retorik yang digunakan dalam pembinaan teks wacana yang dikaji. Penelitian terhadap unsur interdiskursiviti dalam sesebuah teks wacana yang dikaji dilihat sebagai lanjutan daripada penelitian terhadap unsur intertekstualiti. Jika interdiskursiviti merujuk kepada kepelbagaian jenis wacana, intertekstualiti pula merujuk kepada kepelbagaian sumber/maklumat daripada teks lain yang dimanfaatkan dalam teks yang dikaji. Jelasnya penelitian unsur intertekstualiti dan interdiskursiviti merupakan penelitian yang berkesinambungan.

Untuk menggambarkan kesinambungan antara intertekstualiti dan interdiskursiviti, Fairclough (1992) mengemukakan dua jenis intertekstualiti iaitu intertekstuali nyata (intertekstualiti) dan intertekstuali konstitutif (interdiskursiviti). Intertekstuali nyata merujuk kepada sumber teks-teks lain yang dimanfaatkan dalam membina wacana yang baru. Sementara intertekstuali konstitutif merujuk kepada jenis wacana atau genre yang dimanfaatkan ke dalam wacana yang baru. Idris Aman (2006, 2010) melihat intertekstualiti sebagai soal kesalingteksan dalam wacana yang baru sementara interdiskursiviti sebagai lanjutan daripada intertekstualiti yang memfokus pula kepada jenis wacana atau genre yang dimanfaatkan dalam teks yang dikaji.

Kerancakan penelitian terhadap jenis wacana yang berlatarkan konteks/situasi yang pelbagai dibuat memandangkan aktiviti kehidupan harian manusia tidak dapat lari daripada tiga konteks/situasi yang utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Aktiviti ketiga-tiga konteks/situasi tersebut berlangsung melalui proses interaksi dan komunikasi antara individu atau kumpulan dengan individu atau kumpulan yang lain. Proses berinteraksi dan komunikasi tersebut nyata lebih mudah dan berkesan dengan adanya bahasa. Malah kewujudan bahasa untuk memudahkan proses interaksi dan komunikasi seiring dengan kewujudan manusia apabila Allah mengajarkan Nabi Adam A.S. nama-nama benda di Syurga selepas penciptaan mereka sepertimana yang dirakamkan dalam Al Quran Surah Al Baqarah (2: 31) seperti maksud di bawah;

“Dan Tuhan mengajarkan kepada Adam nama-nama segalanya (nama-nama benda dan gunanya), kemudian diperlihatkan semua kepada

malaikat, lalu Tuhan mengatakan: Sebutkanlah kepadaKu nama-nama semua ini, kalau memang kamu benar.”.

Dari sudut yang lain pula aktiviti harian manusia yang mencakupi ketiga-tiga bidang tersebut iaitu sosial, ekonomi dan politik perlu dipandu oleh Syariah kerana matlamat akhir kehidupan manusia ialah memperolehi keredaan Allah. Islam bukan hanya hadir dalam soal peribadatan semata-mata malah dalam semua aspek kehidupan manusia sesuai dengan prinsip Islam sebagai *al-Din*. Menurut Haron Din dan rakan-rakan (1988) *al-Din* bukan sahaja meliputi agama, tetapi juga kebudayaan yang merangkumi bidang-bidang sosial, ekonomi, politik dan lain-lain yang berlandaskan suruhan dan larangan Allah. Keseluruhan ketentuan Allah meliputi suruhan dan larangan-Nya itulah yang dikenali sebagai syariat.

Allah menciptakan manusia dengan fitrah berpasang-pasangan dan saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Hakikatnya tiada manusia yang boleh hidup secara bersendirian tanpa berhubungan dengan manusia lain. Dari segi ekonomi, terdapat sebilangan manusia yang memiliki harta sementara sebilangan yang lain tidak. Begitu juga sebilangan manusia yang lain memiliki kemahiran sementara sebilangan yang lain tidak. Situasi ini menuntut manusia saling berinteraksi bagi memenuhi keperluan kehidupan masing-masing.

Yusuf Al-Qardhawi (2012) menjelaskan Islam menjadikan ekonomi (muamalat) sebagai cara untuk sampai kepada matlamat yang lebih besar agar manusia tidak disibukkan oleh kesukaran hidup dan perebutan makanan daripada mengenal Allah. Kecukupan dari segi keperluan akan melahirkan ketenangan jiwa yang membolehkan seseorang memberikan tumpuan kepada ibadah. Haron Din dan rakan-rakan (1988) pula menjelaskan bahawa muamalat merupakan terjemahan kepada aktiviti ekonomi yang berlandaskan Syariah merangkumi tukar-menukar antara barang atau sesuatu yang memberi manfaat dengan cara yang ditentukan seperti jual beli, sewa-menyewa, upah mengupah, pinjam-meminjam, urusan bercucuk tanam, berkongsi dan sebagainya.

Jelasnya muamalat merupakan aktiviti ekonomi yang dilaksanakan berlandaskan kepada ketetapan Syarak. Syarak menetapkan bahawa aktiviti ekonomi seperti jual beli, sewa beli, pinjaman, simpanan, takaful dan sebagainya merupakan sebahagian daripada ibadah dan perlu dilaksanakan dengan sifat ihsan. Ihsan pula bermaksud merasai pengawasan Allah S.W.T dalam setiap ibadah yang dilakukan (Sahih Muslim, hadith 106). Hal ini bermakna aktiviti muamalat hendaklah dilaksanakan dengan penuh kebaikan, kebajikan, kemurahan hati, mencari keuntungan secara berpada, tidak menindas dan menunaikan hak orang lain terhadap harta/keuntungan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Dari satu sudut yang lain pula, muamalat yang dilaksanakan dengan amanah (ihsan) bukan sahaja mewujudkan kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial, tetapi juga menjadikan ahli muamalat lebih dekat kepada Allah S.W.T. Mereka juga menyumbang kepada

perkembangan Islam sebagai agama yang praktikal, berorientasikan pembangunan, adil dan saksama (Nik Mohamad Affandi Bin Nik Yusoff, 2002).

Di Malaysia aktiviti muamalat berkembang melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Penubuhan tersebut menjadikan urusan muamalat dikendalikan secara formal oleh sebuah institusi kewangan Islam. Penubuhan BIMB juga telah merancakkan aktiviti muamalat dan terbukti apabila dalam tempoh sepuluh tahun penubuhannya BIMB telah berjaya menawarkan lebih daripada 20 produk perbankan Islam untuk memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai (Nor Mohamed Yakcop, 1996). Serentak dengan perkembangan muamalat tersebut, maka lahirlah cabang wacana yang dikenali sebagai wacana muamalat yang merujuk kepada kesatuan bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan gagasan, idea dan isu-isu berkaitan sistem ekonomi Islam.

Satu hal yang menarik, perkembangan sistem ekonomi Islam berlaku dalam kerangka sistem ekonomi konvensional yang dipraktiskan dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa. Pertembungan dua sistem ekonomi dalam masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa ini bukan sahaja melahirkan praktis sosioekonomi yang tersendiri tetapi juga menghasilkan konteks/situasi yang lebih rencam kepada perkembangan wacana muamalat. Ini kerana wacana muamalat bukan sahaja perlu berupaya mengungkapkan gagasan, idea dan isu-isu berkaitan sistem ekonomi Islam tetapi juga berupaya bertindak balas terhadap kerangka sistem ekonomi konvensional yang menjadi gelanggang kepada perkembangan muamalat. Justeru kajian ini berhasrat meneliti wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional dengan tumpuan kepada praktis sosial muamalat serta bagaimana praktis tersebut mempengaruhi ciri wacana muamalat. Untuk itu wacana muamalat akan dianalisis menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK).

1.2 Latar Belakang Kajian

Analisis Wacana Kritis (AWK) merupakan suatu teori kritikal menganalisis wacana yang diperkenalkan oleh Norman Fairclough melalui bukunya yang berjudul *Language and Power* (1989). Beliau kemudiannya mengembangkan AWK melalui buku-buku terbitannya yang lain seperti *Discourse and Social Change* (1992), *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language* (1995), *Media Discourse* (1995), dan *New Labour, New Language* (2000). Sejak awal tahun 1980 penyelidikannya berfokus kepada AWK termasuk hubungan antara bahasa dengan kuasa dan ideologi serta bagaimana bahasa menggambarkan proses perubahan sosial. Selepas itu kajian utamannya berfokus pula kepada bahasa atau wacana yang berperanan sebagai elemen perubahan sosial kontemporari yang berhubungan langsung dengan fenomena globalisasi, liberalisme, kapitalisme, ekonomi berdasarkan pengetahuan dan sebagainya.

Kajian-kajian ini secara teoritikalnya berasaskan kepada kepercayaan bahawa bahasa atau wacana adalah sebahagian daripada elemen kehidupan sosial yang berhubungan dengan elemen lain serta mempunyai kesan konstraktif dan transformatif terhadap elemen tersebut. Kajian-kajian ini juga percaya bahawa wacana dalam banyak keadaan berpotensi menjadi elemen berpengaruh dalam kehidupan sosial dunia kontemporari, dan pelbagai proses perubahan sosial semasa dapat dilihat melalui wacana.

Penelitian-penelitian terhadap wacana dan perubahan masyarakat yang dilakukan oleh Fairclough telah memberi sumbangan dalam tiga dimensi, iaitu pertama, perkembangan teoritikal AWK yang menyumbang kepada perkembangan penyelidikan sosial; kedua, perkembangan pendekatan analisis linguistik teks dan interaksi yang boleh diadaptasi kepada penyelidikan sosial; dan ketiga, aplikasi teori dan kaedah AWK terhadap aspek penyelidikan perubahan sosial kontemporari.

AWK telah diaplikasi dalam pelbagai penyelidikan yang melibatkan analisis wacana. Antaranya kajian olah Margaret Kettle (2005) yang bertajuk *Critical Discourse Analysis and Hybrid Texts: Analysing English as a Second Language (ESL)*. Kajian ini memberi tumpuan kepada wacana teks bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang berhasil akibat daripada interaksi antara penutur natif dengan penutur bukan natif bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan oleh Zottmann, Karin (2007) yang bertajuk *Educating for the future: A Critical Discourse Analysis of The Field of Intercultural Business Communications* pula melihat secara kritikal aspek diskursiviti dan generik, asas konseptual, dan matmamat pendidikan baru yang merentas pelbagai disiplin ilmu dalam konteks wacana akademik sistem pendidikan tinggi di German. Sementara Joseph Nnabugwu (2011) pula menganalisis wacana yang terbina hasil dialog antara agama, Islam – Kristian dengan melihat kepada ideologi yang diasaskan kepada perbezaan agama dan masyarakat. Kajian yang bertajuk *Analyzing A Common Word Between Us Muslim and You Christians* ini memberi tumpuan kepada perkataan lazim yang digunakan oleh kedua-dua agama.

Di Malaysia, analisis wacana berbahasa Melayu yang menggunakan pendekatan AWK dipelopori oleh Kamila Ghazali (1999) dan Idris Aman (2001). Kedua-dua penyelidik ini menggunakan pendekatan AWK untuk menganalisis wacana kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia keempat dan Presiden UMNO. Radiman Hj Junaidi (2011) pula menganalisis wacana kepimpinan Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri kelima yang juga Presiden UMNO.

Selain itu, Munif Zarirruddin (2009) telah menggunakan pendekatan AWK yang diubah suai untuk menganalisis wacana kepimpinan Rasulullah S.A.W. Walaupun wacana yang dianalisis merupakan wacana berbahasa Arab dengan mengambil Khutbah *Ghazawat al Rasul* sebagai bahan kajian, namun kajian tersebut dipersembahkan dalam bahasa Melayu. Natijahnya pendekatan AWK

dilihat sebagai pendekatan yang berpengaruh dalam analisis wacana mutakhir ini. Perbahasan lanjut berhubung AWK dan aplikasinya terhadap beberapa kajian terpilih akan dilakukan secara terperinci dalam Bab II Sorotan Literatur.

1.3 Pernyataan Masalah

Aplikasi pendekatan AWK dalam beberapa penyelidikan sebelum ini telah memberi tumpuan kepada wacana pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Margaret Kettle, 2005), wacana akademik komunikasi perniagaan merentas budaya (Zotzmann, Karin, 2007), serta wacana dialog antara agama Islam-Kristian (Joseph Nnabugwu, 2011). Walaupun penyelidikan tersebut telah bergerak daripada analisis wacana dalam hubungannya dengan kuasa dan idealogi kepada analisis wacana dalam hubungannya dengan perubahan sosial/sosioekonomi, namun penyelidikan terhadap wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional masih belum dilakukan secara serius.

Keperluan meneliti wacana muamalat secara serius dilihat agak mendesak selepas berlakunya krisis kredit yang menyaksikan keruntuhan industri kewangan di beberapa negara besar dunia sehingga mencatat kerugian berjumlah USD 50 trilion pada tahun 2009 menurut Bank Pembangunan Asia. Tambahan pula muamalat dilihat sebagai alternatif dalam menangani krisis kredit daripada berulang memandangkan muamalat mengetengahkan persepsi Syariah terhadap risiko (*gharar, maisir* dan *riba*), larangan dalam urusniaga, panduan dalam amalan pasaran dan pengurusan proaktif (Azman Ismail dan Muhammad Ali Jinnah Ahmad, 2010).

Selain itu, penelitian terhadap praktis sosial melalui pendekatan AWK pula telah memberi tertumpu kepada proses kepimpinan dengan menganalisis wacana kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Kamila Ghazali, 1999; Idris Aman, 2001) dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (Radiman Hj Junaidi, 2011). Malah penelitian wacana kepimpinan Rasulullah S.A.W. juga pernah dilakukan dengan menganalisis Wacana Khutbah *Ghazawat al Rasul* untuk memahami praktis kepimpinan baginda dalam usaha mencari model kepimpinan terbaik (Munif Zariruddin, 2009). Kecenderungan meneliti proses kepimpinan melalui wacana didorong oleh perkembangan awal AWK oleh Fairclough (1989) melalui bukunya *Language and Power* yang menghurai hubungan wacana dengan praktis sosial, kuasa dan idealogi. Kecenderungan tersebut juga disokong oleh iklim politik Malaysia yang sentiasa dinamik sekali gus meletakkan isu politik dan kepimpinan sebagai isu yang sentiasa segar.

Namun harus diakui bahawa kehidupan bermasyarakat dan bernegara tidak hanya terarah kepada persoalan kepimpinan dan sosiopolitik semata-mata. Menurut Ruslan Zainuddin dan rakan-rakan (2010), kenegaraan secara umumnya melibatkan persoalan latar belakang sejarah dan masyarakat, sistem politik, ekonomi, pentadbiran, serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan sesebuah negara. Justeru penyelidik berpandangan penelitian serius terhadap wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional perlu dilakukan

untuk merungkai praktis sosial muamalat serta elemen-elemen Syariah yang mendasarinya. Hal ini kerana kenegaraan dalam konteks Malaysia meletakkan Islam sebagai agama rasmi seperti terkandung dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Sebagai negara yang meletakkan kedudukan Islam lebih tinggi berbanding agama-agama yang lain, wujud kecenderungan idealogi dalam kalangan pemimpin negara untuk mempraktiskan muamalat yang secara jelas menolak unsur penindasan melalui ekonomi seperti *riba*. Walaupun kajian yang dilakukan oleh Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001) dan Radiman Hj Junaidi (2011) memberi tumpuan kepada idealogi kepimpinan, namun kajian-kajian tersebut tidak pula melihat idealogi kepimpinan dari sudut sosioekonomi. Hal ini mungkin disebabkan oleh kajian-kajian tersebut memberi tumpuan kepada idealogi kepimpinan dari sudut sosiopolitik.

Penelitian terhadap ciri tekstual pula telah dilakukan secara terperinci oleh Idris Aman (2001) dan Radiman Hj. Junaidi (2011). Penelitian terhadap ciri tekstual tersebut memfokus kepada wacana kepimpinan yang mewakili bidang politik. Selain itu ciri tekstual (leksikal) yang diberikan tumpuan oleh Idris Aman (2001) ialah kata kunci, kata alternatif, kata gantian, dan kata yang digunakan secara berlebihan, sementara Radiman Hj. Junaidi (2011) memberi tumpuan kepada metafora. Pemilihan ini adalah selaras dengan penelitian terhadap praktis kepimpinan. Hasilnya kedua-dua penyelidik tersebut berjaya merungkai ciri tekstual yang mendokong praktis kepimpinan khalayak. Namun penyelidik berpandangan berlaku kelompongan terhadap penyelidikan yang mewakili wacana bidang ekonomi khususnya wacana muamalat yang berkembang dalam konteks/situasi yang telah mengamami proses penstrukturran semula . Bagi mengisi kelompongan tersebut, penyelidikan perlu dilakukan untuk memahami ciri tekstual (leksikal) khususnya istilah baru yang digunakan serta kata yang mengalami perubahan makna sebagai keperluan mengungkapkan konsep baru.

Selain itu, kajian oleh Kamila Ghazali (1999), Idris Aman (2001), Radiman Hj Junaidi (2011) dan Munif Zarirruddin (2009) telah memberi tumpuan kepada unsur intertekstualiti dan interdiskursiviti dalam kajian masing-masing. Hasilnya kajian-kajian tersebut berjaya mengenal pasti unsur metawacana eksplisit dan unsur diskripsi sebagai kesan daripada praktis kepimpinan khalayak yang dipraktiskan dalam wacana kepimpinan yang dikaji. Justeru kajian terhadap wacana muamalat dengan tumpuan terhadap unsur intertekstualiti dan unsur interdiskursiviti perlu dilakukan untuk melihat persamaan/perbezaan unsur yang dimanfaatkan bagi dua konteks/situasi wacana yang berbeza. Akhirnya perbandingan dapat dilakukan antara praktis wacana bagi dua wacana berlainan konteks/situasi iaitu wacana kepimpinan (politik) dengan wacana muamalat (ekonomi).

Sementara itu, Fairclough dan Wodak (1997) menjelaskan bahawa hubungan antara praktis sosial dengan wacana adalah hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas. Hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas ini terjadi kerana dari satu sudut praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana, sementara

dari satu sudut yang lain wacana turut berperanan memperteguh praktis sosial. Ini bermakna pemilihan struktur tertentu dalam wacana muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional bukan dibuat secara lepas bebas. Sebaliknya pemilihan struktur tersebut dibuat berdasarkan praktis sosial muamalat seperti mana yang ditetapkan berdasarkan prinsip Syariah . Pemilihan struktur tersebut juga mengambil kira kerangka sistem ekonomi konvensional serta keperluan masyarakat majmuk Malaysia. Justeru penyelidik perpandangan analisis wacana muamalat perlu dilakukan untuk merungkai serta mengesahkan pertalian dialektikal tersebut.

1.4 Soalan Kajian

Kajian yang bertajuk wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul, antaranya;

- 1.4.1 Apakah praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional;
- 1.4.2 Apakah ciri textual yang mendasari pembentukan wacana muamalat hasil perkembangan praktis sosial muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional;
- 1.4.3 Mengapa praktis wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional memiliki ciri tersendiri;
- 1.4.4 Bagaimana praktis sosial muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional mempengaruhi pembentukan ciri textual dan praktis wacana muamalat;

1.5 Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan tersebut dengan beberapa objektif khusus seperti berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional;
- 1.5.2 Menghuraikan ciri textual yang mendasari pembentukan wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional;
- 1.5.3 Menjelaskan praktis wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional;
- 1.5.4 Merumus pertalian dialektikal antara praktis sosial muamalat dengan ciri textual dan praktis wacana dalam kerangka sistem ekonomi konvensional.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting atas beberapa sebab. Pertama, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti praktis sosial muamalat yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Usaha mengenal pasti praktis sosial muamalat ini bertujuan merungkai elemen

Syariah serta elemen konvensional yang tidak bercanggah dengan Syariah yang terangkum di dalam praktis sosial tersebut. Usaha ini amat wajar dijalankan kerana seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, muamalat bukan sahaja berbeza dengan sistem ekonomi konvensional malah mendokong nilai, akidah dan akhlak Islam. Justeru penelitian ke atas praktis sosial ini cuba melihat nilai, akidah dan akhlak Islam tersebut dipertahankan ketika muamalat berkembang dalam sistem ekonomi konvensional yang lebih dominen .

Kedua, kajian ini juga dilihat penting kerana berhasrat memahami cara praktis sosial muamalat mempengaruhi ciri tekstual (khususnya dari aspek leksikal) dan praktis wacana (khususnya dari aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti) bagi wacana muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Dengan demikian kajian ini berupaya memberi kefahaman berhubung sebab wacana muamalat memiliki ciri leksikal serta ciri intertekstualiti dan interdiskursiviti tertentu. Selain itu kajian ini juga berupaya memberi kefahaman cara ciri leksikal, intertekstualiti dan interdiskursiviti tersebut digembeleng untuk mencapai maksud dan tujuan wacana muamalat.

Ketiga, memandangkan kajian ini berusaha merumus pertalian dialektikal antara praktis sosial wacana muamalat dengan ciri leksikal, intertekstualiti dan interdiskursiviti, maka kajian ini penting untuk memahami cara hubungan timbal balas tersebut mempengaruhi serta memperteguh antara satu sama lain. Secara tidak langsung kajian ini mengesahkan lagi hakikat bahawa elemen bahasa/linguistik serta elemen di luar bahasa/linguistik saling melengkapi untuk mendokong makna/maksud wacana.

Keempat, pendekatan AWK yang digunakan dalam kajian ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pendekatan linguistik mampu digunakan untuk menghurai dan memahami fenomena sosial termasuk praktis sosioekonomi. Pendekatan ini seterusnya memperkaya linguistik sebagai satu cabang ilmu yang dinamik, merentas pelbagai disiplin ilmu yang lain dan tidak hanya berlegar pada kerangka linguistik tulen semata-mata. Dari satu sudut yang lain, aplikasi AWK dalam menganalisis wacana muamalat dijangka secara tidak langsung berjaya mencungkil keindahan aktiviti muamalat yang seterusnya menjelaskan konsep Islam sebagai *al-Din*. Ini bermakna pendekatan linguistik boleh digunakan untuk menjelaskan kesyumulan Islam.

Kelima, jika sebelum Tahun 2009 Laporan Tahunan BIMB yang dimuat naik di laman web hanya mengandungi versi bahasa Inggeris, namun bermula pada Tahun 2009 BIMB telah menerbitkan laporan tahunannya dalam dua versi iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Perkembangan ini agak menarik untuk diteliti khususnya dalam konteks bahasa Melayu dan sistem kewangan Islam kerana bahasa Melayu dan Islam itu sememangnya mempunyai pertalian yang kukuh. Malah Md. Asham Ahmad (2010) melihat bahawa bahasa Melayu digolongkan sebagai rumpun bahasa Islam yang berupaya menjelaskan pandangan hidup Islam dengan tepat. Justeru kajian ini secara tidak langsung

berupaya membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai medium berwacana khususnya dalam bidang-bidang kritikal seperti bidang ekonomi dan kewangan Islam.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokus kepada tiga dimensi utama yang diketengahkan dalam kerangka AWK iaitu analisis tekstual, analisis praktis wacana dan analisis praktis sosial. Ini bermakna kajian ini menerap sepenuhnya kerangka AWK Fairclough. Walau bagaimanapun bagi memudahkan pengurusan dan kawalan data, selain tertakluk pada kekangan masa serta format penulisan laporan penyelidikan, maka setiap dimensi analisis akan tertumpu kepada parameter tertentu sahaja.

Analisis tekstual akan tertumpu kepada parameter leksikal atau kata/istilah. Tumpuan kepada parameter leksikal dibuat memandangkan perubahan sosial/sosiobudaya tergambar melalui perubahan atau pembentukan kata/istilah baru/pinjaman atau kata/istilah yang mengalami perubahan makna bagi mendokong konsep baru (Fairclough, 1992). Perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional telah menyebabkan berlaku perubahan serta pengubahsuaian praktis muamalat memandangkan unsur konvensional yang tidak bercanggah dengan Syariah diterima dalam muamalat (Nor Mohamed Yakcob, 1996).

Analisis praktis wacana pula akan tertumpu kepada parameter intertekstualiti dan interdiskursiviti. Intertekstualiti merupakan unsur daripada teks lain yang dimanfaatkan atau ditenun untuk membentuk teks yang baru. Proses memanfaat atau menenun unsur teks lain untuk membentuk teks baru dilakukan melalui beberapa pendekatan seperti representasi wacana, metawacana, praandaian dan penafian. Interdiskursiviti pula merujuk kepada kepelbagaiannya jenis wacana yang dimanfaatkan dalam membentuk teks wacana yang baru. Dalam kajian ini kepelbagaiannya jenis wacana yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat yang berkembang dalam sistem ekonomi konvensional dirujuk berdasarkan ragam retorik seperti pemerian, pembujukan, penerangan, penceritaan, pendedahan, dan penghujahan. Tumpuan kepada kedua-dua parameter intertekstualiti dan interdiskursiviti dibuat memandangkan elemen yang membentuk wacana memberi banyak kefahaman berhubung sistem pengetahuan atau sistem nilai serta andaian tentang hubungan sosial dan identiti sosial yang terbina dalam wacana (Fairclough, 1992).

Sementara itu, analisis praktis sosial pula akan memberi tumpuan kepada parameter orientasi ekonomi dan sosial. Orientasi ini dipilih sebagai tumpuan atas pertimbangan bahawa praktis sosial muamalat merupakan praktis sosial yang mencakupi kedua-dua bidang iaitu ekonomi dan sosial atau dikenali juga sebagai sosioekonomi. Muamalat merupakan sistem ekonomi Islam yang meletakkan matlamat tertingginya untuk mencari keredhaan Allah. Mencari redha Allah merupakan matlamat yang mengatasi segala matlamat yang lain termasuk matlamat keuntungan yang menjadi keutamaan sistem ekonomi kapitalis (Yusuf

Al-Qardhawi, 2012). Justeru menunaikan hak orang lain yang terkandung dalam harta/keuntungan yang diperolehi dengan melaksanakan ibadah zakat merupakan kewajipan terhadap Allah. Manfaat daripada zakat akan dinikmati oleh asnaf yang terdiri daripada golongan masyarakat yang memerlukan serta kurang berkemampuan. Namun matlamat mencari redha Allah tidak akan dicapai melalui penunaian ibadat zakat semata-mata. Matlamat untuk mencapai redha Allah menuntut kesemua aktiviti muamalat tertakluk kepada praktis sosial muamalat berdasarkan ketetapan Syariah.

Jelasnya kajian ini mengaplikasi penerapan penuh kerangka AWK tiga dimensi yang diperkenalkan oleh Fairclough (1989; 1992; 1995) dengan pemilihan parameter tertentu daripada setiap dimensi analisis untuk memenuhi objektif kajian. Penerapan penuh bermaksud ketida-tiga dimensi analisis iaitu analisis tekstual, analisis praktis wacana, dan analisis praktis sosial diberi tumpuan yang seimbang. Walau bagaimanapun analisis dimulakan dengan analisis peringkat makro iaitu analisis praktis sosial dan dilanjutkan kepada analisis peringkat mikro iaitu analisis ciri tekstual (leksikal) dan analisis praktis wacana (intertekstualiti dan interdiskursiviti). Huraian lanjut berhubung pendekatan analisis ini dimuatkan dalam Bab III pada bahagian Kerangka Teori.

Dari aspek bentuk wacana pula, kajian ini hanya memfokus kepada wacana tulisan atau wacana teks. Pemilihan wacana tulisan dilakukan memandangkan wacana tulisan memiliki bentuk yang lebih stabil oleh kerana tersedia dalam bentuk teks. Kestabilan ini dilihat penting untuk pengurusan dan pengolahan data memandangkan penelitian secara serius terhadap wacana muamalat khususnya dalam kerangka sistem ekonomi konvensional menggunakan pendekatan AWK masih belum dilakukan. Untuk itu Teks Penyataan Pengerusi dan Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan yang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) versi bahasa Melayu dipilih. Pemilihan Laporan Tahunan BIMB adalah berdasarkan pertimbangan BIMB merupakan Institusi Kewangan Islam pertama ditubuhkan di Malaysia untuk mengendalikan urusan muamalat secara formal, dan semua aktiviti muamalat dilaporkan dalam laporan tahunan tersebut. Selain itu tumpuan kepada Teks Penyataan Pengerusi dan Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan dibuat atas pertimbangan segala operasi dan aktiviti BIMB dikawal selia secara langsung oleh Pengerusi dan Pengarah Urusan. Dengan kata lain, inti pati kepada aktiviti muamalat yang dikendalikan oleh BIMB terkandung dalam kedua-dua teks tersebut.

Teks-teks yang dipilih pula terkandung dalam laporan tahunan yang diterbitkan dari tahun 2009 hingga tahun 2012. Pemilihan tersebut dibuat memandangkan empat tahun kebelakangan ini BIMB menerbitkan semula laporan tahunan yang mengandungi versi bahasa Melayu. Lebih signifikan lagi apabila pada tahun 2011 menyaksikan BIMB mencatatkan keuntungan tertinggi sepanjang tempoh operasi yang menggambarkan kerancakan aktiviti muamalat. Kerancakan aktiviti muamalat akan mendorong pula kepada kerancakan wacana muamalat berbahasa Melayu. Untuk rekod, BIMB menerbitkan laporan tahunan bermula

pada tahun penubuhannya 1984 hingga tahun 1997 dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun selama sepuluh tahun berikutnya, iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2008 Laporan Tahunan BIMB hanya diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun format dwibahasa digunakan semula dalam penerbitan laporan tahunan bermula pada tahun 2009 hingga kini penerbitan terkini, iaitu tahun 2012. Ketika kajian ini dijalankan, Laporan tahunan BIMB 2013 masih belum dikeluarkan. Lazimnya sesebuah laporan tahunan bagi tahun semasa diterbitkan sekitar bulan April tahun berikutnya selepas laporan kewangan diaudit.

Dari aspek data leksikal pula, walaupun teks yang dikaji merupakan teks wacana muamalat berbahasa Melayu, namun tumpuan akan diberikan bukan sahaja kepada data leksikal bahasa Melayu tetapi juga kepada data leksikal selain bahasa Melayu. Tumpuan ini dibuat memandangkan bahasa sumber muamalat ialah bahasa Arab sementara bahasa sumber sistem kewangan konvensional ialah bahasa Inggeris. Pembentukan kata/istilah baru atau perubahan makna kata/istilah untuk mendukung konsep baru dalam bahasa Melayu bukan sahaja berlaku melalui proses terjemahan daripada bahasa sumber kepada bahasa Sasaran. Pembentukan kata/istilah baru juga berlaku melalui proses penyesuaian sama ada penyesuaian ejaan mahupun penyesuaian makna daripada bahasa sumber kepada bahasa Sasaran.

Selain itu proses peminjaman secara langsung daripada bahasa sumber juga menyumbang kepada pembentukan kata/istilah baru untuk mengungkapkan perubahan sosial/sosioekonomi yang berlaku. Keperluan kepada proses penterjemahan, penyesuaian mahupun peminjaman dilihat mendesak memandangkan bahasa Melayu bukanlah bahasa sumber muamalat dan ekonomi konvensional. Justeru jika data-data leksikal daripada bahasa selain bahasa Melayu tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam kajian ini, dibimbangi data-data penting yang menunjukkan perubahan praktis sosial/sosiobudaya akan diabaikan. Pengabaian data penting seperti ini akan menjelaskan kreadibiliti dapatan kajian.

1.8 Definisi Operasional

“Wacana” merujuk kepada satu bentuk komunikasi (lisan mahupun tulisan) yang bermakna yang dibina oleh penutur atau penulis hasil daripada gabungan antara sistem bahasa dengan unsur-unsur di luar sistem bahasa. (Asmah Hj Omar, 1986). Sistem bahasa meliputi aspek fonologi, morfologi dan sintaksis sementara unsur di luar sistem bahasa merujuk kepada elemen-elemen seperti intonasi, nada suara, penegasan, kesenyapan dan sebagainya. Wacana juga dilihat sebagai kesatuan bahasa yang lengkap selain kedudukannya yang tinggi melangkaui kalimat atau klausa, dan punya kohesi serta koherensi. (Tarigan, 1995, p. 36.). Kohesi merupakan keserasian hubungan antara satu unsur dengan satu unsur yang lain dalam wacana sehinggalah tercapai pengertian yang koheren. Dalam perkataan lain kohesi merujuk kepada perpautan bentuk bahasa sementara koherensi merujuk kepada perpautan makna.

“Muamalat” merupakan terjemahan kepada aktiviti ekonomi yang berlandaskan Syariah merangkumi tukar-menukar antara barang atau sesuatu yang memberi manfaat dengan cara yang ditentukan seperti jual beli, sewa-menyewa, upah mengupah, pinjam-meminjam, urusan bercucuk tanam, berkongsi dan sebagainya (Haron Din dan rakan-rakan, 1988). Islam menjadikan muamalat sebagai cara untuk sampai kepada matlamat yang lebih besar iaitu ketenangan jiwa serta tumpuan kepada ibadah untuk mengenal Allah (Yusuf Al-Qardhawi, 2012).

Justeru “Wacana muamalat” dalam konteks kajian ini merujuk kepada kesatuan bahasa yang lengkap yang digunakan untuk berinteraksi, berkomunikasi atau mengungkapkan idea, gagasan, atau isu-isu yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam. Sistem kewangan Islam atau lebih tepat dirujuk sebagai muamalat pula merupakan sistem kewangan yang dilaksanakan berdasarkan ketetapan Syariah. Antara lain Syariah menetapkan sistem kewangan perlu bebas daripada unsur menindas seperti *riba* (kadar faedah) serta unsur *gharar* atau ketidakpastian dalam urus niaga. Ini bertujuan melindungi kedua-dua pihak (penjual dan pembeli atau pemberi dan pengguna perkhidmatan) yang terlibat dalam urus niaga yang dijalankan. Wacana muamalat dalam konteks kajian ini juga merujuk kepada wacana teks atau wacana tulisan. Memandangkan dalam konteks Malaysia muamalat lazimnya dikendalikan oleh institusi perbankan Islam maka wacana teks yang dimaksudkan terdiri daripada Teks Penyataan Pengerusi dan Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

“Intertekstuali” ialah sumber teks-teks lain yang dimanfaatkan dalam membina wacana yang baru (Fairclough, 1992). Dalam konteks kajian ini intertekstualiti merujuk kepada sumber-sumber daripada teks lain yang dimanfaatkan dalam teks wacana muamalat yang dikaji. “Interdiskursiviti” pula merujuk kepada kepelbagaiannya wacana yang tersirat dalam sebuah teks wacana yang baru. Interdiskursiviti tertumpu kepada penghasilan teks untuk mengenal pasti kepelbagaiannya jenis wacana, genre, gaya atau ragam retorik yang digunakan dalam pembinaan teks wacana yang dikaji (Idris Aman, 2006, 2010). Sehubungan dengan itu, interdiskursiviti dalam kajian ini merujuk kepada kepelbagaiannya jenis wacana yang dimanfaatkan dalam menghasilkan teks wacana muamalat.

“Ihsan” bermaksud merasai pengawasan Allah S.W.T dalam setiap ibadah yang dilaksanakan (Sahih Muslim, hadith 106). Dalam konteks kajian ini ihsan ialah melaksanakan aktiviti muamalat (penawaran perkhidmatan oleh BIMB) dengan kebaikan, kebajikan, kemurahan hati, mencari keuntungan secara berpada, tidak menindas dan menunaikan hak orang lain terhadap harta/keuntungan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya.

“Kerangka Sistem Ekonomi Konvensional” pula merujuk kepada ruang lingkup sistem ekonomi campuran yang dipraktiskan secara meluas di Malaysia. Sistem

ekonomi campuran adalah hasil gabungan antara sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi sosialis. Sistem ekonomi kapitalis meletakkan kuasa urus niaga pasaran pada tangan pemodal. Ini bermakna pemodal menentukan segala perjalanan pasaran termasuk penentuan kadar harga bagi barang dan perkhidmatan yang ditawarkan. Sistem ekonomi sosialis pula menyerahkan kuasa urus niaga pasaran di tangan pengguna. Ini bermakna penentuan kadar harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pemodal dipengaruhi oleh kuasa beli pengguna.

Namun di Malaysia pemodal tidak bebas secara mutlak untuk menentukan harga pasaran bagi sesuatu barang dan perkhidmatan. Ini kerana terdapat unsur campur tangan kerajaan dalam pasaran dan ekonomi melalui penetapan dasar-dasar tertentu seperti dasar harga siling atau dasar barang kawalan bagi melindungi pengguna daripada manipulasi pemodal. Kuasa beli pengguna juga tidak mampu secara mutlak mempengaruhi kadar harga barang dan perkhidmatan memandangkan adanya dasar kerajaan yang membenarkan monopoli dalam penawaran barang dan perkhidmatan seperti perkhidmatan bekalan air dan elektrik. Inilah asas kepada sistem ekonomi campuran yang dirujuk sebagai sistem ekonomi konvensional yang menjadi kerangka kepada perkembangan wacana muamalat.

1.9 Kesimpulan

Aktiviti harian manusia boleh dikelompokkan mengikut tiga konteks/situasi yang utama iaitu sosial, ekonomi dan politik. Setiap konteks/situasi tersebut boleh diperhalusi untuk mengenal pasti konteks/situasi yang lebih khusus. Konteks/situasi inilah yang menjadi latar bagi pembentukan sesebuah wacana. Dalam perkataan lain unsur-unsur bahasa/linguistik dan unsur-unsur di luar bahasa/linguistik saling melengkapi dalam pembentukan wacana yang benar-benar bermakna. Maka tidak hairanlah Fairclough (1989) memperkenalkan kerangka AWK yang bertujuan menjelaskan hubungan antara teks dengan konteks kerana teks (bahasa) bukan sahaja merakam malah memperteguh konteks (praktis sosial) tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Ahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt (2007). *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Halim El-Muhammady (1994). *Metode Dakwah Rasulullah S.A.W dan Cabaran Masa Kini*. Dlm. Abdul Halim El-Muhammady. *Dinamika Dakwah: Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Embong (2012). *Negara-bangsa: Proses dan Pembinaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Fuad Mat Hassan dan rakan-rakan (2011). *Nilai Kejujuran dan Integriti dalam Peribahasa Melayu*. Dlm. Kamariah Kamarudin dan rakan-rakan. *Kelestarian Bahasa Satu Rumpun satu Ikatan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Hatta (2010). *Tafsir Qur'an Per Kata Dilengkapi Dengan Asbabun Nuzul & Terjemahan*. Jakarta: Maghfirah Pustaka.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Imam Jalaluddin Abdul Rahman As Suyuti (1997). *Al Asybah Wa An Nazhair Fi Quawaqid Wa Furu' Fiqh As Syafiah*. Makkah: Maktabah Nizarun Mustaffa.
- Al-Qur'an Al-Karim dan Terjemahannya* (2002). Semarang, Indonesia: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Amirul Afif Muhamat dan rakan-rakan (2011). *An empirical study on banks' clients' sensitivity towards the adoption of Arabic terminology amongst Islamic banks*. International Jurnal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management Vol. 4(4) pp.343-354. Emerald Group Publishing Limited.
- Asmah Hj Omar (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar (1997). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azman Ismail dan Muhammad Ali Jinnah Ahmad (2010). *Krisis Kredit Menurut Perspektif Pengurusan Risiko Islam: Bagaimana Syariah Memberikan Pengajaran Bernilai Untuk Kapitalis* Dlm. Jurnal Muamalat Bil 3 2010 Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Fairclough, N. & Wodak, R. (1997). *Critical Discourse Analysis*. Dlm. Van Dijk (1997). *Discourse As Social Interaction*. London: Sage Publication Ltd.
- Fairclough, Norman (1989). *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, Norman (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, Norman (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, Norman (1995). *Media Discourse*. United Kingdon: Hodder Education.
- Fairclough, Norman (2000). *New Labour, New Language?*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fairclough, Norman (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis For Social Research*. London: Routledge.
- Haron Din dan rakan-rakan (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Hashim Awang (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terjemahan daripada Kenneth D. Bailey (1982). *Methods of Social Research*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa danPustaka
- Hussain Gulzar Rammal dan Ralf Zurbruegg (2007). *Awareness of Islamic banking products among Muslims: The case of Australia*. Journal of Financial Services Marketing Vol. 12(1) pp. 65–74. Palgrave Macmillan Ltd
- Idris Aman (2001). *Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. Thesis Ph.D : Universiti Malaya
- Idris Aman (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Aman (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Joseph Nnabugwu (2011). *Analyzing A Common Word Between Us Muslims and You Christians*. Bloemington USA: Xlibris Corporation.

Kamila Ghazali (1999). *A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis Ph.D : Universiti Malaya

Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ken Hyland (2005). *Metadiscourse: Exploring Interaction in Writing*. New York: Continuum International Publishing Group.

Kenneth D. Bailey (1982). *Methods of Social Research*. New York: The Free Press, A Division og Macmillan Publishing Co.

Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam (1998).. Kuala Lumpur: BIMB Institute Of Research and Training (BIRT).

Lagu Rasmi Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di akses melalui laman web <http://www.uitm.edu.my/index.php/ms/kenali-uitm/profil-sejarah-uitm/logo-lagu-universiti?showall=&start=2>

Laporan Tahunan 2009 Bank Islam Malaysia Berhad

Laporan Tahunan 2010 Bank Islam Malaysia Berhad

Laporan Tahunan 2011 Bank Islam Malaysia Berhad

Laporan Tahunan 2012 Bank Islam Malaysia Berhad

Lilie Chouliaraki & Fairclough, Norman (1999). *Discourse In late Modernity: Rethinking Critical Discourse Analysis*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

M.A.K. Halliday & Ruqaiya Hasan (1991). *Language, context, and text: aspect of language in a social-semiotic perspective*. Oxford: Oxford University Press.

Margaret Kettle (2005). *Critical Discourse Analysis and Hybrid Texts: Analysing English As A Second Language (ESL)*. Melbourne Studies in Education Vol. 46(2) pp. 87-105.

Merriam, Sharan B (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.

- Md. Asham Ahmad (2010) *Kalimah Allah: Antara Nama dan Hakikat*. Kertas Kerja Muzakarah Pakar IKIM 21 Januari 2010.
- Mohd. Radzi Othman & Ghafarullahhuddin Din (2005). *Ekonomi Dalam Perspektif Al Quran dan Al Sunah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Al Marbawi (1945). *Kamus Idris Al Marbawi*. Singapura : Pustaka Nasional Singapura.
- Muhammad Idris Abd Rauf (1998). *Kamus Idris Al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Munif Zarirruddin Fikri B. Nordin (2009), *Bahasa Kemimpinan Rasulullah S.A.W: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. Tesis Ph.D : Universiti Malaya
- Nik Mohamed Affandi Bin Nik Yusoff (2002), *Islam & Business*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1997). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Mohamed Yakcob (1996). *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Özlem Sandikci (2011). *Researching Islamic marketing: past and future perspectives*. Journal of Islamic Marketing, Vol. 2(3) pp. 246 – 258. Emerald Group Publishing Limited.
- Perlembagaan Persekutuan (2012). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Radiman Hj Junaidi (2011). *Analisis Wacana Terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi*. Tesis Ph.D : Universiti Putra Malaysia.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Ruslan Zainuddin (2010). *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sahih Al Bukhari oleh Iman Al Bukhari Jilid II* (1965). Terjemahan Arab – Inggeris oleh Dr. Muhammad Muhsin Khan. Beirut, Lebanon: Dar Al Arabia.

Sahih Muslim oleh Imam Muslim Jilid II (1965). Terjemahan bahasa Inggeris Oleh Abdul Hamid Siddiqi. Beirut, Lebanon: Dar Al Arabia. Sharifah Akmam Syed Zakaria & Hardiman Muhammad Yatim (2007). Rancangan Perniagaan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Syed Arabi Idid (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Mohd. Naquib (1990). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Tabung Haji Act 1995 (Act 535). Kuala Lumpur: The Commissioner of Law Revision, Malaysia In Collaboration with Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Van Dijk. (1993). *Elite Discourse and Racism*. Newbury Park: Sage Publications.

Wodak, R. (1996). *Disorder of Discourse*. London and New Delhi: Longman.

Yusuf Al Qardhawi (2012). *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.

Zarina Muhammad (2000). *Sejarah Perkembangan Tamadun Islam*. Dlm Hj Ahmad Fauzi Hj Morad dan Ahmad Tarmizi Talib. Tamadun Islam. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zotzmann, Karin (2007). *Educating For The Future: A Critical Discourse Analysis of The Field of Intercultural Business Communication*. Thesis Ph.D: Lancaster University

Zulkifley Hamid (2000). *Bahasa: Konsep, Fungsi dan Penggunaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.